



FKKSA terima 5 pelajar mobiliti dari Indonesia dan China

Seramai lima orang pelajar dari Universiti Ahmad Dahlan (UAD), Indonesia dan Guizhou University of Engineering Science (GUES), China mendaftar di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai pelajar mobiliti dalam Program Pertukaran Pelajar Antarabangsa antara UAD dan GUES pada 7 September 2016 yang lalu.

Pelajar-pelajar ini akan menghadiri sesi kuliah di FKKSA selama satu semester bermula 7 September 2016 sehingga 30 Januari 2017.

Program ini merupakan langkah proaktif yang dilaksanakan FKKSA dalam melaksanakan agenda pengantarabangsaan UMP iaitu menggalakkan kerjasama dua hala dengan pihak antarabangsa dalam meningkatkan kualiti akademik universiti.

Di samping itu juga, ia bertujuan mengukuhkan kualiti akademik dan penjenamaan UMP di peringkat antarabangsa serta mampu memperkemaskan lagi dan memperkukuhkan jaringan dana hubungan antara rakan universiti antarabangsa.